

# BULETIN

BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

02 Mei 2020



Vol. (8) 2020



***Kita Mesti Menang!!!***

## **Pengesanan Kes Tunjang Memerangi COVID-19**

*Pengesanan kes adalah satu proses dalam pengendalian serta kawalan kes positif COVID-19. Ia bermula selepas penerimaan makluman kes positif COVID-19 daripada kakitangan hospital.*

eISSN 2716-6368



9 772716 636002

TERBITAN :  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000  
Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



TELEFON : 0391454949/4959  
EMAIL : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my



## CABARAN UNIT PENGESANAN KES



Unit Pengesanan Kes menghubungi pesakit untuk mendapatkan maklumat kontak dan riwayat penyakit.

Sebaik sahaja kemasukan kes positif COVID-19 dimaklumkan kepada Bilik Gerakan HCTM, sama ada maklumat diterima dari Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit (*ID Physician*) ataupun Pegawai Perubatan dari Pejabat Kesihatan Daerah, Unit Pengesanan Kes akan diaktifkan.

Diantara fungsi Unit Pengesanan Kes adalah untuk mendapatkan riwayat penyakit dan latar belakang pesakit secara terperinci.

Penumpuan yang rapi diberikan kepada mencatat dan mendokumentasikan sejarah perjalanan pesakit dalam masa 14 hari ke belakang, sebelum gejala/simptom bermula. Proses ini juga dikenali sebagai *Chronological Mapping*.

Ini adalah amat penting untuk mengenal pasti siapakah kontak rapat (*close contact*) yang bertemu dengan pesakit kerana mereka dibimbangi dijangkiti virus tersebut. Peringkat ini amat penting dalam usaha memutuskan

rantaian jangkitan COVID-19.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami tidak dapat bersemuka dengan Kes. Oleh yang demikian, pelbagai kaedah komunikasi digunakan untuk mengesan kes, iaitu melalui perbualan telefon, email, *Whatsapp*, *Facebook* dan *Instagram*.

Oleh itu, fungsi Unit Pengesanan Kes amat penting dalam memastikan keberkesanan pengawalan penyakit.





## VIDEO DONNING



 <https://youtu.be/l6R8t3uCVRM>

## VIDEO DOFFING

 <https://youtu.be/0HPYoFJ34rY>





## PENYEDIAAN GUIDELINE DAN CARTA ALIR

### PENAUNG

Prof. Dato' Dr Hanafiah Harunarashid

### KETUA PENGARANG

Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Hassan

### KETUA EDITOR

Prof. Madya Dr. Asrul Abdul Wahab

### PENGARANG

Prof Madya Dr Azmawati Mohammed Nawi

Prof Madya Dr Rozita Hod

Prof Madya Dr Norfazilah Ahmad

Prof Madya Dr Azimatun Noor Aizuddin

Prof. Madya Dr. Tzar Mohd Nizam Khaithir

Dr. Faiz Daud

Dr. Sharifah Azura Salleh

Dr. Petrick @ Ramesh A/L K Periyasamy

Dr. Najma Kori

### PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Mohd Afiq Arifin

Sazman Wahab

Mohd Firdaus Habib

Mohd Rizam Abd Rahman

Azman Ariff

Fadly Syah Arsad

Mohd Izzar Anwari Abdul Khani

Muhammad Hilmi Mahmud

Puteri Sofia Nadira

Ariff Azfarahim Ibrahim

Rumaizah Mohd Nordin

Ummi Mirza Baharudin

Normaslina Mustaza

Intan Kartina A Karim

Juliana Mansor

Thivyadharshini A/P Uvaraju

Norayuni Mohd Ismail

Khairul Hazdi Yusof

Izyani Bahari

Zurina Mohamad Saleh

Muhd Fazly Nizam Rashdi

Nor Zarina Zainal Abidin

Noor Azlin Muhammad Hanapi

### JURUGAMBAR

Mohd Afiq Arifin

Rosli Nasir JMP

### GRAFIK

Mohd Firdaus Habib


Sazman Wahab

### PERCETAKAN

Mohd Rizam Abd Rahman

### PENGEDARAN

Khairul Hazdi Yusof




Sepanjang kewujudan Bilik Gerakan Covid-19 HCTM, pelbagai garis panduan telah dihasilkan. Kebanyakan garis panduan yang dikeluarkan adalah dalam bentuk carta alir. Maklumat yang disampaikan melalui carta alir ini adalah lebih mudah untuk difahami dan dituruti oleh kakitangan HCTM. Antara garis panduan yang diterbitkan adalah Garis Panduan Kemasukan Pesakit ke Wad Covid HCTM dan Tatacara Pemindahan Pesakit ke Wad Pemulihan Covid. Carta alir ini turut dibincangkan dengan jabatan-jabatan lain yang terlibat contohnya Jabatan Perubatan Keceemasan dan Unit Penyakit Berjangkit untuk persetujuan bersama.

Bilik Gerakan Covid-19 HCTM sentiasa mengikut perkembangan semasa dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk Garis Panduan Pengurusan Covid-19 yang sentiasa dikemaskini oleh KKM. Garis panduan ini telah diadaptasi mengikut kesesuaian dan perkembangan semasa di HCTM. Garis panduan bagi penyaringan kes serta kontak rapat (bagi kakitangan klinikal serta bukan klinikal) juga diperkemas dari masa ke semasa.

## TELEGRAM BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

<https://t.me/BilikGerakanCovid19HCTM>

### JUMLAH AHLI



Rajah siri masa jumlah ahli baru yang berdaftar dengan telegram Bilik Gerakan Covid-19 HCTM

### INTERAKSI



Perbandingan siri masa jumlah ahli melihat (Views) dan berkongsi maklumat Telegram (Shares) Bilik Gerakan Covid-19 HCTM